

Jawab semua soalan.

1.1 Konsep Alam Melayu

- 1 Tandakan (✓) bagi kawasan yang dikategorikan oleh Alfred Russel Wallace sebagai Alam Melayu yang betul dan (X) yang salah pada petak yang disediakan. Buku Teks ms. 5

(a) Tanah Melayu

(b) New Zealand

(c) Segenting Kra

(d) Kepulauan Solomon

(e) Tenasserim

(f) Kepulauan Pasifik

(g) Kepulauan Nicobar

(h) Papua New Guinea

- 2 Padankan tokoh berikut dengan pandangan mereka tentang konsep Alam Melayu berdasarkan aspek bahasa dan budaya yang betul. Buku Teks ms. 6-7

(a)

Profesor Emeritus Dato'
Dr. Asmah Haji Omar

Persamaan budaya dalam kalangan penduduk Alam Melayu membuktikan bahawa Alam Melayu merupakan kawasan yang memiliki kebudayaan serumpun.

(b)

Dato' A. Aziz Deraman

Sifat orang Melayu yang gemar belayar, sifat bahasa Melayu yang sederhana dan mudah dipelajari telah menyebabkan bahasa Melayu mudah diterima di Alam Melayu.

(c)

Sutan Takdir Alisjahbana

Bahasa serumpun di Alam Melayu mempunyai perkaitan dengan bahasa etnik peribumi. Perbandingan antara bahasa serumpun menunjukkan pertalian kekeluargaan bahasa-bahasa tersebut dengan bahasa Melayu.